



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### **TEKS UCAPAN**

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

CERAMAH PERDANA SEMPENA SAMBUTAN  
HARI BANDARAYA MBSP

"Baldatun Thoiyibatun": Seberang Perai Sejahtera, Makmur  
Lagi Mendamaikan

### **OLEH**

YANG BERBAHAGIA DATO' USTAZ BADLI SHAH BIN  
ALAUDDIN

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**20 SEPTEMBER 2019 (JUMAAT)**  
**7.45 MALAM**

**MYDIN BUKIT MERTAJAM**  
**BUKIT MERTAJAM**

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berbahagia Dato' Ustaz Badli Shah Bin Alauddin**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod**

Puan Setiausaha Bandaraya

**Yang Berusaha Encik Mohamad Nizam bin Md Shariff**

Yang Dipertua PERMAI

**Yang Berbahagia Datin Hjh Che Limah Bt Ujang**

Pengerusi PUSPANITA MBSP

**Tuan Syed Abd Rahman Bin Syed Hashim**

Naib Yang Dipertua PERMAI

**Encik Ahmad Asrulddin Bin Ahmad Kamaluddin**

Setiausaha Kehormat PERMAI

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ahli-Ahli Jawatan Kuasa**

PERSATUAN KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA ISLAM MPSP [PERMAI]

**Ahli-Ahli PERMAI**

**Kakitangan-kakitangan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Yang Dikasihi Dif-Dif Jemputan, Tuan-Tuan, Puan-Puan Dan Muslimin**

**Muslimat Yang Dihormati Sekalian**

-----

**ASSALAMMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABAROKATUH  
SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT MALAM**

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat illahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapat kita bersama-sama dalam Majlis Ceramah Perdana Khas Sempena Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai bertajuk “**Baldatun Thoiyibatun: Seberang Perai Sejahtera, Makmur Lagi Mendamaikan**”. Pihak penganjur mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato’ / Tuan-Tuan / Puan-Puan / muslimin / muslimat yang saya hormati sekalian ke ceramah perdana ini.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak pengurusan Mydin Bukit Mertajam kerana sudi menaja lokasi untuk kali ketiga bagi PERMAI dan MBSP menganjurkan program ilmiah seperti yang diadakan pada hari ini. Mudah-mudahan, usaha pihak pengurusan Mydin Bukit Mertajam mendapat keberkatan daripada Allah SWT.

Tidak dilupakan, ucapan jutaan terima kasih kepada para hadirin sekalian kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama menimba ilmu dalam program malam ini.

Kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Yang Dipertua PERMAI dan Ahli Jawatankuasanya serta semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan ceramah kita pada hari ini samada secara langsung atau pun tidak. Moga kita semua akan beroleh keberkatan daripada Allah SWT.

Saya mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Ustaz Badli Shah Bin Alauddin selaku penceramah dalam program pada malam ini yang akan memberikan ceramah bertajuk "***Baldatun Thoiyibatun: Seberang Perai Sejahtera, Makmur Lagi Mendamaikan***".

**YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Pada 16 September 2019 kita telah menyaksikan Majlis Perbandaran Seberang Perai dinaiktarafkan secara rasminya menjadi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Jutaan tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja MBSP terutamanya Ahli-Ahli Majlis, Puan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, kakitangan-kakitangan MBSP dan warga Seberang Perai di atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan hasrat untuk dinaiktarafkan Majlis Perbandaran kepada Majlis Bandaraya.

Saya percaya kita sudah bersedia untuk terus menyahut cabaran dalam merealisasikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022 dan seterusnya menjadikan Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar dipacu oleh Teknologi.

MBSP akan terus komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya terutamanya dalam *institutional reform* dan sistem penyampaian supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmati faedahnya. Pembaharuan institusi dan sistem penyampaian yang pantas berada di bawah *Strategic Initiatives C4* iaitu *Accelerate Programme Delivery And Institutional Reform* dalam Penang2030. Saya amat berharap *institutional reform* yang dilaksanakan dapat memenuhi ekspektasi semua kehendak *stakeholders* di samping dapat mempertingkatkan lagi perkhidmatan perbandaran, perancangan, pembangunan dan infrastruktur yang cekap dan berkesan.

Pihak Pengurusan MBSP sentiasa berkerjasama dengan kesemua persatuan dan pertubuhan di MBSP iaitu, ANULAE, PUSPANITA, PESUKA, KOSPEMA, KOSPETA dan juga PERMAI yang menjadi lidah penyampai bicara rakyat serta warga kerja MBSP. MBSP amat menghargai sokongan padu dan kerjasama yang diberikan oleh semua persatuan dan pertubuhan dalam menjayakan visi dan misi MBSP.

**YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Tajuk Ceramah Perdana pada malam ini yang akan dibentangkan secara mendalam oleh Yang Berbahagia Dato' Ustaz Badli Shah Bin Alauddin adalah "***Baldatun Thoiyibatun: Seberang Perai Sejahtera, Makmur Lagi Mendamaikan***"

Secara ringkasnya *Baldatun Thoiyibatun Warrabun Ghaafur* adalah sebahagian Ayat 15: Surah Saba yang bermaksud "negara aman dan makmur, Allah Maha Pengampun". Saba' adalah (sebutan) raja-raja Negeri Yaman dan penduduknya. Termasuk di antara mereka ialah raja-raja Tababi'ah dan Ratu Bilqis, isteri Nabi Sulaimân. Dulu, mereka berada dalam kenikmatan dan kebahagiaan (yang meliputi) negerinya, kehidupannya, kelapangan rezekinya, tanaman-tanamannya, dan buah-buahannya. Allah kurniakan kemakmuran yg melimpah-limpah, rakyat dapat menikmati kemakmuran tersebut, maka bersyukurlah, berterima kasihlah. Allah berfirman: "Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih." (Surah Ibrahim Ayat 14)

Kerajaan Saba yang dulunya amat makmur dan subur, tetapi akhirnya Allah lenyapkan mereka apabila mereka tidak bersyukur dan berterima kasih dengan apa yg telah Allah kurniakan kepada mereka. Saya menyeru seluruh warga kerja MBSP agar bersama-samalah berkerjasama bagi merealisasikan matlamat Seberang Perai sebagai “*Baldatun Thoiyibatun Warabbun Ghafur*”. Kemakmuran dan kesejahteraan yang akan dinikmati melalui perkhidmatan yang dicurahkan di tahap terbaik sentiasa akan memberikan manfaat dan faedah yang sangat besar kepada seluruh masyarakat di Seberang Perai.

Ekspektasi penduduk terhadap perkhidmatan MBSP tidak lagi seperti dulu, pekerja yang baik sahaja tidak mencukupi, sebaliknya mereka perlu menjadi tenaga kerja ‘hebat’ iaitu individu yang melaksanakan tugas tanpa perlu diarah atau dipantau dan berdisiplin tinggi. Setiap warga kerja MBSP perlu mengambil inisiatif melalui idea yang kreatif dan inovatif dalam melaksanakan apa jua tugas demi mencapai matlamat organisasi.

Warga kerja yang hebat juga akan sentiasa bertanya apa yang boleh diberi atau disumbangkan dan bagaimana mempertingkatkan lagi prestasi. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada seluruh warga kerja MBSP yang telah bertungkus-lumus menyempurnakan segala amanah dan sasaran peranan masing-masing dan berharap mereka akan terus komited dan istiqamah dalam mencapai visi dan misi MBSP.

Tiada istilah berpuas hati dengan apa yang telah dilakukan dan hendaklah membudayakan bekerja dengan 'jiwa' agar mencapai sasaran dan Hala Tuju Strategik Seberang Perai Yang mampan dan Lestari . Ini merupakan titik tolak ke arah kecemerlangan sosial baik dari segi kebersihan, perutmbuahan ekonomi, kesejahteraan sosial serta kelestarian alam sekitar. Hala tuju strategik yang dilaksanakan akan mengarah Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar dipacu oleh Teknologi.

**YBhg. Dato' / Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,**

Sebagai penutup ucapan aluan saya, marilah kita sama-sama mendengar kupasan lanjut tajuk ceramah pada malam ini iaitu "**Baldatun Thoiyibatun: Seberang Perai Sejahtera, Makmur Lagi Mendamaikan**" **oleh** Yang Berbahagia Dato' Ustaz Badli Shah Bin Alauddin.

Mudah-mudahan segala ilmu serta saranan serta peringatan yang telah disampaikan nanti dapat diterapkan dan menjadi amalan kita semua demi memperolehi redha Allah dan seterusnya memperoleh kebaikan di dunia dan paling penting adalah kebaikan di akhirat sana.

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada tuan-tuan, puan-puan dan para hadirin sekalian kerana kesudian hadir ke



Ceramah Perdana Khas Sempena Pengisytiharan Majlis Bandaraya Seberang Perai anjuran Persatuan Kebajikan Pekerja Pekerja Islam Majlis Perbandaran Seberang Perai (PERMAI) bersama MPSP pada malam ini. Semoga kita semua mendapat manfaat dan ganjaran daripada Allah dalam kita memenuhi amanah kita sebagai khalifah Allah swt.

TERIMA KASIH DAN SALAM HORMAT, WA BILLAHIT TAUFIQ WALHIDAYAH, WASSALAMU `ALAIKUM WA RAHMATULLAHI WA BARAKATUH.

SEKIAN